

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-599 BIL.5/2024
20 MEI 2024**

**1) SEBERANG PERAI EXPRESS AND EFFECTIVE DEVELOPMENT
MBSP ATAU SPEED MBSP**

Satu Inisiatif yang dikenali sebagai *Seberang Perai Express and Effective Development MBSP* atau **SPEED MBSP** telah diperkenalkan oleh MBSP bagi pengeluaran kelulusan pelan pemajuan, tempoh pembinaan, pengeluaran CCC dan pemberian lesen secara pantas. Inisiatif tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa pada 10hb Mei 2024 di Hotel The Light yang turut dihadiri oleh Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis MBSP dan Tuan Setiausaha Bandaraya.

Inisiatif ini diperkenalkan bagi membolehkan interaksi yang berkesan di antara pelabur dan MBSP dalam memudahkan kerja-kerja pembinaan dan akhirnya kelulusan dapat diberikan mengikut garis masa yang telah ditetapkan tanpa kelewatan. Jumlah prosedur dan piagam hari yang ditetapkan adalah lebih singkat daripada piagam yang ditetapkan bagi projek biasa. Urusan mempercepatkan kelulusan projek pembangunan secara tidak langsung akan menambah baik persekitaran pelaburan Pulau Pinang dan meningkatkan daya saingnya di peringkat global.

2) PROGRAM PEMANDULAN BERSUBSIDI MBSP DI KLINIK VETERINAR SWASTA DI SEBERANG PERAI 2024

Program pemandulan bersubsidi MBSP di klinik veterinar swasta merupakan satu inisiatif yang dirangka khas untuk haiwan kesayangan khususnya anjing dan kucing di daerah Seberang Perai. Penganjuran ini mempunyai matlamat untuk memupuk sikap bertanggungjawab dalam penjagaan kebajikan haiwan kesayangan (*Responsible pet ownership*) dan pengawalan populasi haiwan terbiar bersandarkan pemandulan.

Program ini juga bertujuan membantu meringankan beban pihak *Non Government Organization* (NGO) yang bekerjasama dengan MBSP melalui program *Trap, Neuter, Release, Manage & Community Engagement* (TNR-M & CE). Sehingga kini, terdapat lebih daripada 450 ekor haiwan terbiar yang dimandulkan oleh NGO terlibat meliputi 57 kawasan TNR-M & CE berdaftar. Selain itu, subsidi ini juga sebagai insentif kepada orang awam bagi menikmati caj pemandulan pada harga yang rendah.

Program ini terbuka kepada NGO dan orang awam di seluruh Seberang Perai dan melibatkan kerjasama daripada tiga (3) klinik veterinar swasta iaitu Klinik veterinar Pet Wellness (daerah Seberang Perai Utara), Klinik veterinar Venice (daerah Seberang Perai Tengah) dan klinik veterinar Introvet (Daerah Seberang Perai Selatan). Program ini bermula secara rasmi pada 14 Mei 2024 sehingga 31 Disember 2024 atau sehingga slot pemandulan penuh.

Nilai peruntukan subsidi yang akan diberikan kepada setiap ekor anjing dan setiap ekor kucing adalah berjumlah RM100 dan RM50 bagi setiap satu. Subsidi ini tidak diberikan dalam bentuk tunai tetapi

sebagai potongan harga kos pemandulan yang dikenakan oleh klinik terlibat.

NGO dan orang awam yang berminat, boleh mendaftar haiwan kesayangan jagaan melalui pautan *google form* atau boleh hadir sendiri ke klinik veterinar swasta terlibat.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi terus kepada **Unit Veterinar MBSP** di talian **04-5402566** atau emel di vet@mbsp.gov.my.

3) HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bakal diraikan pada 3 Jun 2024 (Isnin). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Kami mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik dikurniakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

4) SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA 1445H

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha 1445H kepada seluruh penduduk Seberang Perai yang beragama Islam. Sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini dijangka pada 17 Jun 2024 (Isnin), bersamaan 10 Zulhijjah 1445H dan pada tarikh tersebut adalah cuti umum bagi sambutan Hari Raya Aidiladha di Negeri Pulau Pinang. Selamat bercuti dan berhati-hati di jalanraya semasa musim perayaan ini.

Justeru itu, saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya menjaga kesihatan dan mengamalkan amalan pemakanan yang baik dan sihat sepanjang sambutan musim perayaan ini.

SEKIAN, TERIMA KASIH.